



5 Disember 2012
5 December 2012
P.U. (A) 433

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PULANGAN ATAU BUNGA ATAS DEPOSIT BERKAITAN INDEKS YANG DIPEGANG OLEH ANGGOTA PENERIMA DEPOSIT) 2012

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (RETURN OR INTEREST ON AN INDEX-LINKED DEPOSIT HELD BY A DEPOSIT-TAKING MEMBER) RULES 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

**KAEDAH-KAEDAH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
(PULANGAN ATAU BUNGA ATAS DEPOSIT BERKAITAN INDEKS YANG DIPEGANG
OLEH ANGGOTA PENERIMA DEPOSIT) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 209(1)(a) dan seksyen 63 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [Akta 720], Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pulangan atau Bunga atas Deposit Berkaitan Indeks yang Dipegang oleh Anggota Penerima Deposit) 2012.**

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 6 Disember 2012.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“tarikh pengiraan” ertinya—

- (a) bagi maksud pengiraan bayaran wajib di bawah seksyen 56 Akta atau bayaran budi bicara di bawah perenggan 62(b) Akta, tarikh pemfailan petisyen penggulungan; dan
- (b) bagi maksud pengiraan bayaran budi bicara di bawah perenggan 62(a) Akta, tarikh bayaran oleh Perbadanan.

Pulangan atau bunga atas deposit berkaitan indeks

3. Bagi maksud pengiraan pulangan atau bunga untuk bayaran wajib atau bayaran budi bicara berhubung dengan deposit berkaitan indeks yang dipegang oleh suatu anggota penerima deposit, pulangan atau bunga itu hendaklah ditentukan berdasarkan cara yang berikut:

- (a) bagi deposit berkaitan indeks yang pembayaran balik pokok dan bayaran pulangan atau bunga adalah tertakluk kepada syarat sama ada sesuatu kejadian akan berlaku atau tidak akan berlaku pada masa hadapan dan syarat ini belum terlaksana pada tarikh pengiraan, pulangan atau bunga hendaklah dikira pada tarikh pengiraan—
- (i) berdasarkan Kadar Polisi Semalam yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia; atau
- (ii) pada kadar 6% setahun,
mengikut mana-mana yang lebih rendah;
- (b) bagi deposit berkaitan indeks selain yang disebut dalam subkaedah (a)—
- (i) pulangan atau bunga pada permulaannya hendaklah ditentukan berdasarkan penilaian semula mengikut nilai pasaran semasa sumber aset atau rujukan pada tarikh pengiraan;
- (ii) sekiranya pulangan atau bunga tidak dapat dikira berdasarkan cara yang disebut dalam perenggan (b)(i), kadar sumber alternatif atau cara pengiraan alternatif sebagaimana yang dinyatakan dalam terma dan syarat deposit berkaitan indeks itu hendaklah terpakai pada tarikh pengiraan; dan
- (iii) sekiranya pulangan atau bunga tidak dapat dikira berdasarkan cara yang disebut dalam perenggan (b)(i) atau (b)(ii), pulangan atau bunga hendaklah dikira pada tarikh pengiraan—
- (A) berdasarkan Kadar Polisi Semalam yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia; atau
- (B) pada kadar 6% setahun,